



PERSIDANGAN ANTARABANGSA...Sabah jadi tuan rumah pelancongan antarabangsa.

Memperkasa 'modal insan' menjana pelancongan mapan

Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

PENGHUJUNG 2010, kedatangan pelancong diunjurkan meningkat 24 juta orang. Unjuran yang disasarkan Kementerian Pelancongan Malaysia itu bakal menjana RM54 billion pendapatan negara.

"Justeru, Malaysia memandang jauh ke hadapan untuk membangun Pelan Induk Pelancongan ke arah pembangunan mapan yang bersepadu dengan usaha pemuliharaan alam dan budaya semulajadi, pada waktu yang sama menyumbang peningkatan taraf hidup masyarakat tempatan."

Demikian penegasan Menteri Luar, Datuk Anifah Aman ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa tentang 'Bagaimana Merangka dengan Jayanya serta Melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Pelancongan Mapan' di Grand Ballroom, 1Borneo, Kota Kinabalu pada 12-13 Julai lalu. Ucapan Anifah disampaikan Setiausaha Politikanya, Datuk Norhaidi Haji Chee Dan.

Dalam ucapannya, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun berkata, sektor pelancongan kekal di tempat kedua dalam tukaran wang asing negara selepas sektor pembuatan.

"Sepanjang 2009, industri pelancongan negara menjana sejumlah RM53.4 billion, yakni bersamaan dengan RM1 billion seminggu dari sejumlah 23.6 juta kedatangan pelancong antarabangsa, sekali gus menyumbang 1.7 juta pekerjaan," kata Masidi.

Masidi seterusnya menjelaskan, kedatangan pelancong antarabangsa pada 2020 diunjurkan seramai 35 juta yang bakal menjana tukaran asing RM170 billion, tiga kali ganda berbanding kedudukan sekarang.

"Bagi Sabah, kita meletakkan sasaran 4.5 juta pelancong asing pada 2020 dengan kemasukan tukaran asing RM12 billion," kata Masidi.

Bagi mendukung pembangunan pelancongan mapan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut terpanggil menyumbang tanggungjawab sosial bagi memastikan kejayaan dan pelaksanaan rangka pelan

induk pelancongan itu tercapai.

"Tanggungjawab melaksanakan agenda pembangunan pelancongan mapan tidak terletak di bahu kerajaan semata-mata. Usaha itu memerlukan sokongan dari kalangan pengusaha industri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), penduduk setempat dan semua universiti termasuk UMS," kata Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Haji Ampon.

Maka dengan itu, Prof. Kamaruzaman melihat penganjuran persidangan tersebut adalah satu manifestasi dari komitmen UMS ke arah pembangunan mapan yang mana turut mengutamakan jalinan perhubungan dan perkongsian.

Persidangan yang dihadiri wakil-wakil dari dalam dan luar negara serta tenaga akademik dan para pelajar institusi pengajian tinggi itu dianjurkan bersama Pusat Pelancongan Islam, Kementerian Pelancongan Malaysia; UMS dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah.

Anifah berkeyakinan penuh, dengan kepakaran Kementerian Pelancongan, negara mampu mencapai pelbagai unjuran pembangunan sektor pelancongan sebagai penyumbang kedua terbesar pengaliran wang masuk dari luar negara. Peri pentingnya usaha merangka dan melaksanakan pembangunan mapan dipertegas lagi oleh Masidi yang menyatakan usaha berkenaan tidak boleh tidak, harus diupayakan demi mengekalkan sumbangan sektor pelancongan terhadap ekonomi negara.

Bagaimanakah rupa bentuk rangka pelancongan yang berjaya dan bagaimana pula melaksanakan pembangunan pelancongan mapan? UMS telah memberikan komitmennya untuk menjawab persoalan tersebut.

"Jangan abaikan kos tenaga manusia...jika diabaikan, tenaga manusia boleh mengakibatkan penambahan kos kualiti yang rendah," kata Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi memetik teori Greg Bruce (2002) ketika membentangkan kertas kerjanya.

Dr. Roselina, Pakar Ekonomi (Modal Insan) di Sekolah Perniagaan dan



RASMI...Norhaidimewakili Anifah merasmikan Persidangan Antarabangsa Pelancongan sambil diperhatikan Dr. Kamaruzaman (kedua kiri).

Ekonomi, UMS juga adalah Pengarah Urusan Kumpulan, UMS Link Holdings Sdn. Bhd. Beliau menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Modal Insan Diperlukan Untuk Melaksanakan Pelan Induk Pelancongan'.

Menurut Dr. Roselina, kejayaan jangka panjang pelancongan di Malaysia amat bergantung kepada kemampuan negara membina pelancongan mapan dan menarik kehadiran berulang para pelancong.

"Pencapaian dua faktor tersebut memerlukan penyediaan kumpulan kerja yang dapat memenuhi standard antarabangsa sehingga ke akar budaya, tradisi dan warisan kita. Keperluan utama modal insan ialah latihan yang berkualiti, pengkalan dan pelatihan semula. Pelaburan dalam modal insan mampu memberi pulangan terhadap kedatangan berulang pelanggan dan meningkatkan keuntungan," kata Dr. Roselina.

Dr. Roselina menjelaskan, perubahan perdagangan dunia (termasuk industri pelancongan dan pelayanan), pembangunan sains dan teknologi, Kajian dan Pembangunan (R&D), perubahan citarasa pelanggan dan peningkatan persaingan telah mendorong perindustrian mencapai kematapan dan keperluan untuk menjana semula modal insan.

Dr. Roselina membuat pembentangan keenam pada hari kedua. Sebanyak sembilan kertas kerja dibentangkan dalam persidangan dua hari itu. Pembentangan pertama dilakukan oleh Dr. Russell Arthur Smith, Dekan Institut Pengurusan Pelancongan Cornell-Nanyang bertajuk 'Pelan Induk Pelancongan: Menjelaskan Satu Destinasi bagi Ekuiti Jenama Jangka Panjang'. Kertas kedua bertajuk 'Perkongsian Kerajaan



SIDANG PLENO...Para pembentang berkongsi pendapat dengan hadirin.



HADIRIN...Sebahagian pelajar UMS menyertai persidangan antarabangsa.

Swasta: Mengendalikan Hubungan Ke Arah Kejayaan Pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan' disampaikan oleh Anthony Wong, Pengarah Urusan Kumpulan, Asian Overland Services Tourism & Hospitality.

Pembentangan ketiga bertajuk 'Memikirkan Pembangunan Pelancongan: Memikirkan Kemungkinan' disampaikan Datuk Dr. Victor Wee, Pengerusi Lembaga Pelancongan Malaysia. Kertas kerja keempat pula disampaikan Dr. Jamili Nais, Timbalan Pengarah Lembaga Taman-Taman Sabah bertajuk 'Apa yang Menjadikan Tapak Warisan Dunia: Tumpuan Kes Gunung Kinabalu'.

Kertas kerja kelima telah disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Chua Kim Hing, Pensyarah di UiTM bertajuk 'Pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan: Peranan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pentadbiran'. Dr. Chua juga adalah mantan Ketua Pengarah DBKK. Pembentangan ketujuh disampaikan oleh Datuk Seri Tengku Dr. Zainal Adlin Tengku Mahamood, Pengerusi Perbadanan Pelancongan Sabah bertajuk 'Pelancongan di Sabah: Cerita Kejayaan Kami'.

Prof. Madya Dr. Gary M Jones, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD) menyampaikan kertas kerja kelapan bertajuk 'Kesan

Sosial Pelancongan: Satu Pandangan Dari Seorang Pelancong Yang Tidak Selesa'. Kertas kerja terakhir disampaikan Dr. Ahmad Puad Mat Som, Pensyarah Sekolah Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM) bertajuk 'Kejayaan Pelan Induk Pembangunan Adalah Melalui Penyelidikan dan Kawalan'.

Pada hari pertama, para peserta diberikan kesempatan berdialog dengan kumpulan panel pembentang kertas kerja. Sidang pleno itu dipengerusikan Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UMS, Prof. Dr. Syed Azizi Wafa Syed Khalid Wafa.

Dr. Roselina seterusnya memberikan definisi modal insan sebagai kemampuan kumpulan kerja untuk bekerja secara produktif dengan pelbagai bentuk modal demi mengekalkan pengeluaran ekonomi. Pelbagai kemampuan yang dimaksudkan termasuklah pengetahuan, kemahiran, kebolehan, pengalaman dan faktor-faktor lain yang diperlukan serta dibangunkan pekerja melalui gunatenaga mereka. Definisi tersebut disesuaikan dari Persekutuan Persatuan Pengurusan



KONGSI PEMIKIRAN...Prof. Dr. Roselina mendengar buah pikiran salah seorang hadirin.

Pekerja Sedunia (WFPMA). "Tenaga manusia adalah sumber utama kemajuan daya saing kita. 'Ekonomi Insan Baru' direalisasikan sektor persyarikatan dengan memilih yang terbaik, mengurus, membangun dan memberi ganjaran kepada golongan pekerja. Cara itu merupakan bakat, bukan modal, strategi atau R&D yang mampu memberikan hasil berbeza," kata Dr. Roselina.

Dr. Roselina seterusnya memberikan deskripsi tugas dan tanggungjawab kumpulan kerja sektor pelancongan. Menurut Dr. Roselina, 60 peratus kumpulan kerja bidang pelancongan memerlukan latihan vokasional yang antara lain bekerja sebagai pemandu pelancong, pembersih bangunan, penyedia hidangan dan pekerja operasi. Dan 30 peratus lagi terlibat dalam pengurusan yang memerlukan latihan bukan vokasional. Golongan ini antara lain bertugas di bahagian kaunter dan perkeranian. Manakala 10 peratus lagi adalah pekerja di bahagian perkhidmatan sokongan.

Dr. Roselina turut mengenal pasti beberapa isu mengenai sumber manusia dalam industri pelancongan. Antara isu-isu itu termasuklah kekurangan latihan, kurangnya pengajian prosedur operasi, kekurangan pengurus dan pelatih yang terlatih, latihan dari institusi pengajian bersifat teoritikal, jangkamasa latihan yang lama, sebahagian besar pekerja menceburi bidang pelancongan sebagai batu loncatan dan bilangan pekerja kurang kemahiran meningkat ekoran proses pelatihan tidak dilaksanakan dengan lengkap.

Baik Anifah, Masidi, Dr. Kamaruzaman dan Dr. Roselina sependapat bahawa modal insan terlatih merupakan kunci utama pelancongan mapan. Malahan Masidi berharap, semua pihak perlu meletakkan diri sebagai pekerja pelancongan, baik pemandu teksi, penduduk mahupun petani. Semua pihak perlu mendapatkan latihan agar dapat merangsang kesuburan pembangunan dan pemapanan sektor pelancongan.



PELANCONG...Kepelbagaian aktiviti menarik minat para pelancong datang berulang kali.



TINGGAL INAP...Pelancong memerlukan aktiviti untuk tinggal bersama penduduk.



WATER RAFTING...Pengendali aktiviti ini memerlukan kemahiran tinggi.